



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولوا فينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH (KHAS)
**EPISOD BAKAR:
SATU IKTIBAR**



Tarikh Bacaan:
24 JANUARI 2025M / 24 REJAB 1446H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



EPISOD BAKAR: SATU IKTIBAR

24 Januari 2025M/ 24 Rejab 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada hari Jumaat yang mulia ini, saya mengajak diri saya dan para jamaah sekalian untuk sentiasa meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan merasakan kehadiran Allah pada setiap waktu yang kita telusuri di dalam kehidupan ini. Andaikata kita masih belum mampu untuk merasakan kehadiran Allah SWT, maka ingatlah para jamaah sekalian, sesungguhnya Allah SWT sentiasa mengawasi diri kita pada setiap detik dan waktu.

Khatib mengingatkan para jamaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia. Bagi melengkapikan kewajipan solat Jumaat hari ini, marilah kita menghayati bicara mimbar yang bertajuk: **“EPISOD BAKAR: SATU IKTIBAR”**.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Baru-baru ini dunia digemparkan, keegoan Amerika runtuh sehingga bumi California diumpamakan seperti neraka. Keceluparan lidah presiden Amerika yang begitu lancang, membawa padah dengan ujian yang tidak dijangka.

Bumi Los Angeles, California, USA, terpaksa melawan kebakaran hutan yang amat dahsyat. Kebakaran yang berlaku pada 7 Januari 2025 yang lalu, semakin parah akibat wujudnya tiupan angin kencang yang bernama Santa Ana seterusnya menyebabkan berlakunya fenomena yang dinamakan sebagai tornado api (*fire tornado* atau *firenado*).

Betapa ia amat mengejutkan dunia. Bencana besar ini berlaku di sebuah bandar yang begitu kaya dan hebat, didiami oleh ramai pelakon Hollywood dan para jutawan yang memiliki rumah-rumah agam yang amat mengagumkan.

Api yang merebak dengan begitu pantas sehingga kini telah mengorbankan sekurang-kurangnya 25 nyawa manusia, 31 orang masih hilang tidak dapat dikesan dan mengakibatkan lebih 170,000 penduduk dipindahkan ke tempat yang lebih selamat. Kerugian akibat kebakaran ini sudah mencecah lebih US\$150 billion.

HADIRIN MUKMININ,

Satu fenomena yang mimbar pada hari ini mengajak para jemaah untuk renungi bersama ialah fenomena Tornado Api. Tornado api ini terbentuk ketika suhu panas yang begitu ekstrem, menyebabkan udara panas bergerak dengan begitu cepat ke atas lalu menghasilkan pusaran yang membawa api dengan kelajuan lebih 160 km/jam. Api dengan suhu yang amat tinggi ini lalu membakar dan menghancurkan segala benda atau objek yang berada disekitarnya.

Tornado api, bukanlah fenomena yang asing dalam Islam. Dalam Surah Al-Baqarah ayat 266, Allah SWT telah menggambarkan satu peristiwa yang sangat hampir dengan tornado api.

أَيُّودُ أَحَدِكُمْ أَنْ تَكُونَ لَهُ جَنَّةٌ مِّنْ نَّخِيلٍ وَأَعْنَابٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ لَهُ فِيهَا مِنْ كُلِّ الثَّمَرَاتِ وَأَصَابَهُ الْكِبَرُ وَلَهُ ذُرِّيَّةٌ ضُعَفَاءُ فَأَصَابَهَا إِعْصَارٌ فِيهِ نَارٌ فَاحْتَرَقَتْ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ ﴿٢٦٦﴾

Maksudnya: "Adakah sesiapa antara kamu yang suka mempunyai kebun kurma dan anggur yang di bawahnya mengalir beberapa batang sungai dan kebunnya itu mempunyai segala jenis buah-buahan? Dan ketika pemilik kebun itu menjangkau tua dan keturunannya masih kecil, kebunnya dilanda angin kencang yang membawa api lalu habis terbakarlah semuanya! Demikianlah Allah menjelaskan perbandingan-Nya kepada kamu supaya kamu memikirkannya (mengambil iktibar)".

Dalam ayat tersebut, Allah menggambarkan angin yang berputar kencang yang di dalamnya ada api " *إِعْصَارٌ فِيهِ نَارٌ* " yang telah menghancurkan kebun hingga habis kesemuanya. Dalam tafsir Ibnu Katsir, istilah " *إِعْصَارٌ فِيهِ نَارٌ* " dijelaskan sebagai angin yang berputar dan membawa kehancuran.

Imam Al-Qurthubi dan Imam At-Thabari juga memberikan penjelasan yang sama. Kedua-duanya menyatakan bahwa ayat tersebut menggambarkan pusaran angin dengan sifat yang memusnahkan, yang kini dikenali sebagai tornado api.

Kebakaran yang berlaku ini mengingatkan kita bahawa, dunia ini fana dan tidak ada yang abadi. Sehebat mana pun usaha yang telah mereka lakukan, sebanyak mana pun harta kemewahan yang mereka miliki dan sependai mana pun teknologi yang mereka cipta,

semuanya musnah dalam sekelip mata dengan izin dan ketentuan Allah SWT.

Bencana kebakaran ini telah mengakibatkan lebih 12,000 kediaman musnah seolah-olah terkena ledakan bom di dalam peperangan sepertimana yang terjadi di bumi Palestin angkara durjana Zionis Yahudi.

Bezanya ialah kemusnahan yang berlaku di bumi Palestin itu mengambil masa hampir setahun tetapi kemusnahan yang berlaku di Los Angeles, California hanya mengambil masa selama 2 hari sahaja.

HADIRIN MUKMININ,

Kesimpulan dari khutbah hari ini:

Pertama: Kebakaran menjadi simbol kefanaan dunia dan menuntut kita untuk tidak terlalu bergantung kepada harta benda dan kemewahan, melainkan mengarahkan hati kita untuk tunduk kepada kebesaran Allah 'azzawajalla.

Kedua: Jauhi kesombongan serta ketidakadilan yang wujud sesama makhluk. Allah yang Maha Adil selalu mendengar doa hamba-hamba-Nya yang dizalimi dan akan membalas segala bentuk kezaliman dengan keadilan-Nya.

Ketiga: Peristiwa kebakaran yang sedang berlaku di California adalah salah satu bentuk ujian dari Allah yang mempunyai banyak hikmah dan pelajaran

Semoga pengingatan ini menjadikan kita semakin dekat kepada Allah dan melonjakkan tingkatan iman dan amalan kita semua.

Allah SWT berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ bismillah بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْعَصْرِ ۝ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ ۝ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ۝

Maksudnya: "Demi masa, sesungguhnya manusia berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, saling berpesan tentang kebenaran dan kesabaran."

(Surah Al-'Asr ayat 1 hingga 3)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ إِنَّهُ
تَعَالَى جَوَادٌ كَرِيمٌ مَلِكٌ بَرٌّ رَؤُوفٌ رَحِيمٌ، فَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.



Khutbah Kedua

2025M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ
عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبِّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاَعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Untuk makluman semua, Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bilangan 2 Tahun 2019 memutuskan bahawa **haram** memindahkan zakat ke luar negeri Pulau Pinang berdasarkan masalah semasa kerana ia menafikan hak dan menjejaskan keperluan asnaf. Begitu juga, keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bilangan 2 Tahun 2024 yang memutuskan individu termasuk peniaga dan usahawan Islam yang menjalankan perniagaan di Pulau Pinang, adalah **diwajibkan** membayar zakat perniagaan kepada Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوِلَايَةً قُورَاوَا فِيْنِغَ أَمِنَّا مُطْمَئِنَّا سَخَاءَ
رَخَاءَ، دَارَ عَدْلِ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُؤَسَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيْهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيْقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang
dan Toh Puan Khadijah Binti Mohd Noor.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG